

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

13.05.2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya ingin menarik perhatian pembaca kepada kod tadbir urus korporat baru yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang kini dalam tempoh rundingan awam sehingga 8 Jun 2016. Inti pati kod baru ini menggunakan suatu pendekatan 'guna pakai atau jelaskan alternatif' berbanding yang lama iaitu 'patuhi atau jelaskan'. Ini bermakna prinsip kod yang dicadangkan perlu diguna pakai oleh syarikat serta menjelaskan cara ia diguna pakai. Amalan alternatif perlu dijelaskan sekiranya ia berbeza daripada amalan biasa. Selagi amalan yang digunakan dapat mencapai hasil yang dirancang, pendekatan baru yang dicadangkan ini dapat memberikan suatu tahap fleksibiliti kepada syarikat tersenarai.

Amalan yang digunakan dikelaskan mengikut dua bidang iaitu amalan 'teras' dan 'teras+'. Amalan 'teras' merangkumi amalan terbaik yang diguna pakai untuk semua syarikat, manakala amalan 'teras+' adalah untuk syarikat yang berhasrat mengguna pakai standard tadbir urus korporat yang lebih tinggi. Ini selaras dengan konsep 'satu saiz tidak sesuai untuk semua'. Kami berharap peserta pasaran modal akan mengambil bahagian dalam rundingan awam dan memberikan pandangan mereka.

Dalam hal yang berasingan, di tengah-tengah musim AGM ini kami mendapati keuntungan syarikat secara umumnya mengalami penurunan dalam suasana pasaran yang tertekan di dalam negara dan juga di peringkat global. Kami berharap syarikat-syarikat tersenarai akan terus memastikan pelaksanaan mesyuarat yang berkualiti tinggi, dengan objektif untuk mencapai lebih ketelusan walaupun sedang menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Meneruskan perkembangan terkini mesyuarat agung syarikat, kami ingin mengetengahkan wujudnya satu trend yang membimbangkan yang mana syarikat membentangkan resolusi untuk mendapatkan kelulusan menyeluruh bagi ganjaran pengarah. Kami menggesa pihak kawal selia untuk menyemak semula keupayaan syarikat untuk menepikan peluang kepada pemegang saham untuk mengundi ganjaran tahunan para pengarah setiap tahun.

Rita

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

SAPURAKENCANA PETROLEUM BERHAD (“SKPB”)

Seperti yang diumumkan oleh SKPB dalam laman web Bursa Malaysia, Seadrill Limited bukan lagi pemegang saham utama SKPB selepas pelupusan 490,329,691 saham SKPB pada 29 April 2016.

[Sumber: Pengumuman SKPB di laman web Bursa Malaysia pada 9 Mei 2016]

KOMEN MSWG:

Dalam tempoh masa kurang 3 tahun selepas selesai pengambilalihan perniagaan pelantar daripada Seadrill Limited (“SL”) yang pada masa itu ditaksir pada harga yang terlalu tinggi (RM8.2 bilion yang diterjemahkan kepada RM2.70 sesaham SKPB berbanding harga pasaran semasa RM1.61), SKPB mencatatkan kerugian kemerosotan yang besar iaitu RM1.1bilion dalam keputusan suku tahunan terkini. Kami percaya kemerosotan nilai ini ada kaitan dengan pembelian aset pelantar. Perkara ini tidak dinyatakan dalam keputusan suku tahunan terkini.

Pelupusan yang besar oleh SL menjadikannya bukan lagi pemegang saham utama SKPB. Kebimbangan kami adalah sama ada SKPB boleh terus berada dalam bidang pelantar minyak dengan cekap memandangkan penarikan diri oleh SL meninggalkan jurang kepakaran dalam bidang ini.

LYSAGHT GALVANIZED STEEL BERHAD (“LGSB”)

Lembaga Pengarah mengumumkan bahawa pada 6 Mei 2016, syarikat telah dimaklumkan bahawa Chew Bros (M) Sdn. Bhd. (“CBMSB”) telah membeli 51.63% syarikat induk terdekat iaitu Lysaght (Malaysia) Sdn. Bhd (“LMSB”). Oleh itu, CBMSB kini merupakan syarikat induk muktamad LGSB.

[Sumber: Pengumuman LGSB di laman web Bursa Malaysia pada 9 Mei 2016]

KOMEN MSWG:

Kami menerima permintaan untuk mengulas tentang pengambilalihan oleh CBMSB dan sama ada peraturan MGO diguna pakai di sini.

Nampaknya CBMSB sudah pun memperolehi kawalan ke atas LMSB (51.63%), yang memiliki 55.14% daripada entiti tersenarai LGSB, yang merupakan salah satu syarat Kod Pengambilalihan.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada syarat perolehan syarikat melalui entiti hulu telah dipenuhi, iaitu (i) pada nilai parameter dan titik pencetus seperti yang disebutkan dalam Kod PN9, 4.2(b) atau (ii) pada faktor kawalan dalam lembaga LGSB seperti yang disebutkan dalam Kod PN9, 4.2(c).

Dalam hal ini, Suruhanjaya Sekuriti perlu menentukan sama ada MGO dicetuskan atau tidak.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Lysaght Galvanized Steel Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.